

1 Jun 2019 (Sabtu)

# Matrix Concepts raih perolehan lebih RM1 bilion

→ Pendapatan tertinggi disokong prestasi kukuh suku keempat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**M**atrix Concepts Holdings Bhd (Matrix Concepts), pemaju harta tanah di Negeri Sembilan, merekodkan pendapatan tertinggi dalam sejarah melebihi RM1 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019.

Pendapatan berjumlah RM1.05 bilion, 28 peratus lebih tinggi berbanding RM818.5 juta pada tahun kewangan sebelumnya, dipacu peningkatan pendapatan daripada pembangunan kediaman di perbandaran Bandar Sri Sendayan (BSS)

di Seremban, serta daripada harta tanah komersial dan pelaburan.

Syarikat dalam satu kenyataan berkata, pendapatan tertinggi itu juga disokong prestasi lebih kukuh pada suku keempat berakhir 31 Mac 2019 dengan pendapatan syarikat melonjak 63.7 peratus kepada RM278.9 juta.

"Tahun kewangan 2019, untung bersih syarikat meningkat dua peratus kepada RM217.6 juta berbanding RM213.3 juta tahun sebelumnya, hasil daripada pendapatan lebih besar," katanya.

#### Lancar harta tanah baru

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, berkata pencapaian tertinggi syarikat itu dicatat di tengah-tengah cabaran berterusan dalam sektor harta tanah.

"Masih ada potensi besar dalam sektor pembangunan harta tanah, selagi wujudnya keperluan pembeli kepada kediaan mampu milik, kualiti dan persekitaran. Kami akan melancarkan lebih banyak harta tanah untuk memenuhi permintaan yang berdaya tahan di perban-



Kami positif kepada prospek untuk tahun kewangan 2020 dan yakin pelancaran ini akan membantu mengekalkan prestasi kewangan dan pulangan kepada pemegang saham"

**Mohamad Haslah  
Mohamad Amin,  
Pengerusi Matrix Concepts**

daran milik kami.

"Menuju ke hadapan, kami akan melancarkan harta tanah baru bernilai RM1.3 bilion bagi tahun kewangan 2020 merangkumi harta tanah mampu milik dan premium.

"Kami positif kepada prospek untuk tahun kewangan 2020 dan yakin pelancaran ini akan membantu mengekalkan prestasi kewangan dan pulangan kepada pemegang saham," katanya.

#### Peningkatan 11.7 peratus

Matrix Concepts meraih jualan harta tanah baru tertinggi RM1.3 bilion pada tahun kewangan 2019, meningkat 11.7 peratus daripada RM1.2 bilion pada tahun kewangan 2018.

Mengulas mengenainya, Mohamad Haslah, berkata syarikat itu terus berusaha untuk meningkatkan kepelbagaiannya produknya untuk memenuhi permintaan pasaran.

"Menuju ke hadapan, perolehan kumpulan akan disokong oleh jualan belum dibil RM1.2 bilion setakat 31 Mac 2019, dalam tempoh 18 bulan akan datang," katanya.